

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT KERJA PIHAKBERKUASA TEMPATAN DAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDING MAJLIS PERBANDARAN DAN MAJLIS DAERAH 1998  
Lokasi : PRIMULA PARKROYAL, KUALA TERENGGANU  
Tarikh : 07-05-1998

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kesudian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tan Sri Menteri Besar merasmikan Mesyuarat Kerja Pihakberkuasa Tempatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah 1998 pada pagi ini. Kehadiran YAB Dato' Seri Tan Seri amat bermakna dan membawa mesej yang jelas bahawa YAB amat prihatin terhadap institusi pihakberkuasa tempatan, yang merupakan institusi di peringkat tempatan yang semakin mendapat perhatian pelbagai pihak, dari pemimpin politik, masyarakat perniagaan dan rakyat keseluruhannya.

2. Mesyuarat kali ini adalah cantuman tiga mesyuarat tahunan, iaitu Mesyuarat Kerja Pihakberkuasa Tempatan, Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Perbadanan Perbandaran dan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Majlis Daerah. Di tahun-tahun sebelum ini ketiga-ketiga mesyuarat ini diadakan secara berasingan. Oleh kerana objektif dan kumpulan sasarannya adalah hampir sama, saya telah mencadangkan supaya ketiga-tiga mesyuarat ini digabungkan. Melalui cara ini bukan sahaja kita dapat menjimatkan perbelanjaan tetapi juga meningkatkan penyelarasan dan kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat, khususnya agensi pusat, kementerian dan agensi Kerajaan Negeri.

3. Objektif utama mesyuarat ini ialah untuk memberi peluang perkongsian idea dan pengalaman mengenai beberapa perkara penting yang perlu diberi penekanan dalam meningkatkan prestasi pihakberkuasa tempatan.

Mesyuarat Kerja akan memberi tumpuan kepada dua program utama, iaitu Kerajaan Elektronik dan pelaksanaan MS ISO 9000. Walaupun penerangan mengenai kedua-dua program ini telah mendapat liputan yang meluas, perbincangan kali ini lebih menjurus kepada pelaksanaannya di pihakberkuasa tempatan. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah pula akan membincangkan beberapa tajuk yang berkaitan dengan pengurusan seperti, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan; pembiayaan projek kecil, perkhidmatan pembentungan dan usaha memantapkan keutuhan pengurusan.

4. Perkara yang akan dibincangkan tidak mungkin dapat merangkumi semua program atau aktiviti pihakberkuasa tempatan yang begitu luas, atau menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi. Oleh itu satu sesi khas akan diadakan untuk memberi peluang kepada peserta membincangkan isu-isu semasa lain yang memerlukan perhatian Kerajaan serta mengemukakan cadangan untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pihakberkuasa tempatan.

Y.A.B. dan hadirin sekalian,

5. Pihakberkuasa tempatan, sebagai sebuah institusi di peringkat akar umbi yang paling hampir dengan rakyat, mempunyai peranan yang besar dalam mengekalkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan.

6. Oleh itu pentadbiran pihakberkuasa tempatan perlu diperkukuhkan. Struktur organisasi perlu disusun semula bagi memperkemas beberapa bidang tugas penting sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan-keperluan yang saya sebutkan tadi. Penyusunan semula ini akan juga melibatkan perubahan kepada skim dan taraf perkhidmatan pegawai dan kakitangan. Berhubung dengan perkara ini, sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya dengan cadangan untuk menyusun semula struktur organisasi dan memperbaiki kedudukan perjawatan di semua pihakberkuasa tempatan.

7. Satu lagi aspek yang saya ingin sentuh ialah peranan pihakberkuasa tempatan dalam mencorakkan imej perkhidmatan awam dan Kerajaan. Sebagai organisasi barisan hadapan yang paling hampir dengan

rakyat, pihakberkuasa tempatan adalah terdedah kepada pelbagai persepsi. Dengan itu kita semua bertanggungjawab untuk menjaga kewibawaan dan menentukan keutuhan Kerajaan sentiasa terpelihara. Untuk maksud ini Kerajaan telah membuat keputusan supaya semua agensi Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri, termasuk pihakberkuasa tempatan menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan masing-masing. Panduan mengenainya telahpun dikeluarkan pada awal tahun ini melalui Arahan YAB Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 1998.

9. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Dato' Seri Tan Sri Menteri Besar yang akan merasmikan mesyuarat ini, dan kepada Kerajaan Negeri Terengganu atas kesediaannya menjadi tuan rumah. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dan pegawai-pegawainya yang telah bersama membantu menjayakan mesyuarat ini. Kerjasama seperti ini merupakan salah satu kekuatan yang perlu dikekalkan dan IshyaAllah melaluinya Perkhidmatan Awam akan terus menempa masa depan yang lebih cemerlang.